

TRANTALOL TABLET

Labetalol hydrochloride (100mg, 200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan TRANTALOL
2. Bagaimana TRANTALOL berfungsi
3. Sebelum menggunakan TRANTALOL
4. Cara menggunakan TRANTALOL
5. Semasa menggunakan TRANTALOL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TRANTALOL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan TRANTALOL

TRANTALOL digunakan untuk menurunkan tekanan darah tinggi, yang juga dipanggil hipertensi.

Bagaimana TRANTALOL berfungsi

TRANTALOL mengandungi bahan aktif *Labetalol hydrochloride*. *Labetalol hydrochloride* tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan penghalang beta.

Ia berfungsi dengan memberi kesan tindak balas badan terhadap beberapa impuls saraf dan membesarkan saluran darah di dalam badan sekaligus menurunkan tekanan darah.

Sebelum menggunakan TRANTALOL

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- *Labetalol hydrochloride*, bahan aktif,

- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan mengambil TRANTALOL selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- *Sebelum mula menggunakan TRANTALOL*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami atau mempunyai masalah kesihatan seperti yang berikut:

- masalah jantung yang lain termasuklah kegagalan jantung tidak terkawal
- kadar denyutan jantung yang sangat perlahan iaitu kurang daripada 45-50 denyutan per minit
- penyakit asma, nafas berdehit, sukar bernafas atau masalah paru-paru
- tekanan darah rendah
- ketumbuhan pada kelenjar adrenal yang tidak dirawat (*phaeochromocytoma*)
- ketidakseimbangan asid dan alkali di dalam badan
- masalah peredaran darah

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil TRANTALOL.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan TRANTALOL boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- Ubat anti-murung kumpulan *Tricyclic*.
- Ubat cimetidine untuk merawat ulser perut
- Sesetengah ubat untuk merawat denyutan jantung tidak tetap (contohnya ubat *disopyramide*, *quinidine*, *amiodarone*).
- Ubat dalam kumpulan penghalang saluran kalsium untuk merawat tekanan darah tinggi dan angina, (contohnya ubat *verapamil*, *diltiazem*, *bepiridil*, *nifedipine*)
- Sesetengah ubat yang digunakan ketika pembedahan dan keadaan kecemasan contohnya ubat bius
- Ubat-ubatan lain untuk tekanan darah (contohnya ubat *clonidine*, *methyldopa*).
- Ubat untuk membuang cecair berlebihan dalam badan atau ubat diuretik
- ubat tablet untuk merawat kencing manis atau ubat insulin.

Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh TRANTALOL atau mungkin menjejaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil TRANTALOL atau yang perlu dilakukan.

Cara menggunakan TRANTALOL

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan memaklumkan anda berapa banyak tablet TRANTALOL yang perlu diambil setiap hari. Pengambilan tablet TRANTALOL mengikut arahan doktor anda adalah penting untuk dipatuhi. Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan.

Dos permulaan biasa TRANTALOL untuk pesakit dewasa ialah satu tablet 100mg dua kali sehari.

Penggunaan TRANTALOL dikalangan kanak-kanak tidak disyorkan.

- Bila perlu digunakan

Ambil tablet bersama dengan makanan. Paling baik ambil dos yang pertama pada waktu malam sebelum tidur.

- Berapa lama perlu digunakan

TRANTALOL membantu mengawal tekanan darah tinggi tetapi tidak menyembuhkannya. Oleh itu, ia mesti diambil setiap hari. Teruskan pengambilan TRANTALOL mengikut arahan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil TRANTALOL, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan TRANTALOL

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil ubat-ubatan lain, maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil TRANTALOL.

Maklumkan kepada doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil TRANTALOL.

Laporkan kepada doktor jika kulit anda mula beruam, bengkak-bengkak atau gatal-gatal, atau anda telah hamil ketika mengambil TRANTALOL.

Jika anda merancang untuk menjalani pembedahan, maklumkan kepada doktor atau pakar bius bahawa anda sedang mengambil ubat TRANTALOL. Ia boleh menjejaskan kesan ubat yang digunakan ketika pembedahan.

Jika anda perlu melakukan sebarang ujian darah, maklumkan kepada doktor bahawa anda sedang mengambil ubat TRANTALOL. Ia boleh menjejaskan bacaan sesetengah ujian tersebut.

Jumpa doktor anda secara berkala untuk menjalani pemeriksaan lanjut.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan guna TRANTALOL untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan beri TRANTALOL kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Jangan berhenti mengambil TRANTALOL atau mengurangkan dosnya tanpa pengetahuan doktor anda.

Jika anda berhenti mengambilnya secara tiba-tiba, keadaan anda mungkin akan menjadi lebih teruk atau anda mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini seperti sakit dada, denyutan jantung tidak teratur dan tekanan darah tinggi. Jika perlu, doktor anda mungkin akan mengurangkan dos anda secara berperingkat sebelum terus menghentikannya.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda merasai kesan TRANTALOL terhadap anda.

TRANTALOL boleh menyebabkan rasa pening, keletihan, atau rasa mengantuk pada sesetengah pesakit. Jika anda mengalami gejala-gejala tersebut, jangan memandu, mengendali mesin atau melakukan perkara-perkara yang berbahaya.

Berhati-hati apabila meminum minuman beralkohol ketika anda mengambil TRANTALOL. Alkohol menjejaskan keberkesanan TRANTALOL.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- pening atau pitam terutamanya ketika hendak bangun
- sakit kepala
- keletihan atau tidak bermaya
- rasa murung
- rasa semut-semut terutamanya pada kulit kepala
- loya, muntah atau senak perut
- hidung tersumbat, berpeluh, bengkak pergelangan kaki

Senarai di atas termasuklah kesan-kesan sampingan TRANTALOL yang biasa berlaku. Ia selalunya ringan dan bersifat sementara.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan TRANTALOL

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C.

Jangan simpan TRANTALOL atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat. Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil TRANTALOL atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

TRANTALOL TABLET 100MG:

Berbentuk bulat, diameter 9mm, berwarna kuning dengan tanda belahan pada satu permukaan dan "duo" pada permukaan yang lain.

Tender hospital kerajaan: Berbentuk bulat, diameter 9mm, berwarna kuning dengan tanda 'duo' dan "KKM" serta belahan pada permukaannya.

TRANTALOL TABLET 200MG:

Berbentuk bulat, diameter 9mm, berwarna kuning dengan tanda belahan pada satu permukaan dan "d" pada permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

TRANTALOL TABLET
100MG

- Setiap pil mengandungi
100mg *Labetalol
hydrochloride*

TRANTALOL TABLET
200MG

- Setiap pil mengandungi
200mg *Labetalol
hydrochloride*

Bahan tidak aktif:

TRANTALOL TABLET
100MG

- *Aerosil*
- *Promigel*
- *Quinoline Yellow*
- *Corn starch*
- *Magnesium stearate*
- *Lactose*
- *Colloidal silicon
dioxide*

TRANTALOL TABLET
200MG

- *Aerosil*
- *Promigel*
- *Quinoline Yellow*
- *Corn starch*
- *Magnesium stearate*
- *Lactose*
- *Colloidal silicon
dioxide*

- Nombor MAL

TRANTALOL TABLET
100MG
MAL19890589A

TRANTALOL TABLET
200MG
MAL19890590A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

DUOPHARMA (M) SDN.
BHD. (42491-M)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

02/05/2014